

05/IBUPEJABAT/2025



AGensi KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

PENAFIAN PENULARAN VIDEO PALSU (DEEPPFAKE) MELIBATKAN KETUA PENGARAH AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN (AKPS)

PUTRAJAYA, 6 Ogos 2025 – Kenyataan ini merujuk kepada sebuah video tular di platform media sosial TikTok yang dimuat naik oleh pemilik akaun Hermano Kedutaan (<https://www.tiktok.com/@hermono.kedutaan>) yang melibatkan YDH. CP Dato' Sri Mohd Shuhaily bin Mohd Zain, Ketua Pengarah Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS).

AKPS dengan ini menegaskan bahawa video tersebut adalah PALSU dan dihasilkan melalui teknologi kecerdasan buatan (AI) atau *deepfake*.

Penghasilan dan penyebaran video tersebut adalah cubaan berniat jahat yang menjatuhkan imej, mencemarkan reputasi, dan menjejaskan integriti Ketua Pengarah AKPS dengan tujuan memanipulasi serta mengelirukan orang ramai.

Sehubungan dengan itu, orang ramai dinasihatkan agar tidak terpengaruh dan sentiasa waspada dengan kandungan yang disiarkan. Orang ramai juga dinasihatkan untuk tidak menyebarkan video tersebut. Tindakan menyebarkan kandungan palsu merupakan satu kesalahan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Walaupun kemajuan teknologi AI amat dialu-alukan, penyalahgunaannya secara tidak beretika untuk tujuan memfitnah dan menjatuhkan maruah individu adalah satu tindakan yang tidak boleh diterima sama sekali.

AKPS memandang serius perbuatan tidak bertanggungjawab ini dan menegaskan bahawa tindakan undang-undang yang sewajarnya akan diambil terhadap individu atau mana-mana pihak yang terlibat dalam penghasilan serta penyebaran video palsu ini.

TAMAT

6 OGOS 2025

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

AGensi KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

KEMENTERIAN DALAM NEGERI